

01 MAY 2001

UMUR BERSARA: K'JAAN PERLU LIHAT ASPEK UNDANG-UNDANG, KATA PM

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Kerajaan perlu mengambil kira aspek undang-undang dalam menentukan umur persaraan kakitangan awam dilanjutkan dari 55 tahun kepada 56 tahun, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita perlu jelas dari aspek undang-undang. Kalau tak jelas, itu susahlah," kata beliau kepada pemberita selepas berucap pada Majlis Perhimpunan Hari Pekerja 2001 bagi anggota sektor awam di Institut Tadbiran Negara di sini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya bila kerajaan dijangka akan membuat pengumuman mengenai lanjutan umur bersara, berikutan kenyataan Cuepacs baru-baru ini bahawa kerajaan secara prinsipnya telah bersetuju supaya kakitangan awam bersara setelah mencapai usia 56 tahun.

Dr Mahathir berkata dalam menentukan umur persaraan itu, ia melibatkan tafsiran umur.

"Masalahnya sekarang ini, tafsiran umur 55 ialah apabila kita menempuh umur 55, bukan bila kita habis umur 55. Yang kita nak buat sekarang ialah tafsiran itu dianggap sebagai apabila tamat umur 55, bermakna dia masuk umur 56, baru jadi satu tahun, bukan tambah sangat.. dari segi tafsiran sahaja," katanya.

Perdana Menteri juga ditanya mengenai kajian ke atas Sistem Saraan Baru (SSB) yang telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan sebahagian besar kakitangan awam di seluruh negara.

"Ia adalah perkara yang kompleks, kita perlu mengkajinya," katanya.

-- BERNAMA

RV ES RI